



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***VARIASI BAHASA MELAYU MASYARAKAT SIPITANG, SABAH***

**KAMARLIN BIN HJ. OMBI**

**FBMK 2021 6**



**VARIASI BAHASA MELAYU MASYARAKAT SIPITANG, SABAH**

Oleh

**KAMARLIN BIN HJ. OMBI**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti  
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Ogos 2019**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

Ibuku Hjh Andi binti Asin & Abahku Hj Ombi bin Hj Tinggal

“Alhamdulillah akhirnya saya sudah berjaya ke tahap ini berkat doadan restu ibu bapa”

Kakakku Rasniah binti Hj Ombi serta adik-adikku.

“Terima kasih doakan kejayaan untuk siapkan tesis ini”

Kaum kerabat dan ahli keluarga yang tersayang

“Doa-doa yang dititipkan buatku sudah Allah makbul. Alhamdulillah”

Buat semua penyelia:

Profesor Madya Norazlina binti Haji Mohd Kiram

Dr. Sharil Nizam Sha'ri

Datin Dr Hasnah Mohamad

“Jasa Tuan dan Puan akan ku semat dalam pelayarankenanganku Sumbangan keringat dan gagasan dalam kesinambungan penulisanku, benar-benar daku hargai”

Datin Hjh.Saridah, Asyraf, Alyaa, Aqilah, Asyrie, Asyhar & Afiqah

“Usaha dan perhatian selama ini, memberikan detik kegembiraan ini”

Terima kasih

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

## **VARIASI BAHASA MELAYU MASYARAKAT SIPITANG, SABAH**

Oleh

**KAMARLIN BIN HJ. OMBI**

Ogos 2019

**Pengerusi : Norazlina binti Haji Mohd Kiram, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian yang bertujuan untuk meneliti variasi Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Sipitang di Sabah ini dilakukan kerana perbezaan sarjana mengenai bahasa Melayu dialek Sabah, kerancuan bahasa dan perbezaan kosa kata antara kaum. Secara umumnya, variasi bahasa Melayu dianalisis menggunakan kerangka sifat leksikon, perubahan variasi bahasa Melayu dianalisis berdasarkan Teori Substratum, seterusnya merumuskan hubungan variasi bahasa Melayu dengan budaya setempat. Secara khususnya, tiga objektif kajian iaitu mengenal pasti variasi bahasa Melayu masyarakat Sipitang di Sabah, menganalisis perubahan yang mempengaruhi penggunaan variasi bahasa Melayu di Sipitang, Sabah, dan merumuskan variasi bahasa Melayu dan kaitannya dalam budaya setempat masyarakat Sipitang di Sabah. Sampel kajian ialah kaum peribumi Sabah dari kaum Murut, Dusun, Bajau, Brunei dan Kedayan yang bermastautin di daerah Sipitang. Kajian ini dilakukan dengan menerapkan teori substratum (Aitchison, 2004) yang membahagikan teori ini kepada lima prinsip umum iaitu, unsur asing, substratum lawan pinjaman, prestij sosial dan keperluan fungsi. Kajian ini juga menggunakan kerangka sifat leksikon Asma Haji Omar (2008) dengan memfokuskan pembentukan leksem yang terdiri daripada bahasa standard, kata dialek, kata pinjam dan kata ganda. Seterusnya kajian yang dijalankan secara lapangan ini melibatkan seramai 40 responden yang terdiri daripada kaum di daerah Sipitang. Memandangkan kebanyakan penutur kaum peribumi Sabah menggunakan bahasa Melayu Sabah sebagai bahasa kedua, mereka cenderung meminjam perkataan bahasa ibunda masing-masing. Perkara yang paling ketara dalam kajian ini ialah variasi kawasan atau daerah kerana kelainan penggunaan kata dan ungkapan-ungkapan tertentu dapat dikesan daripada percakapan lima kaum yang dikaji. Seterusnya, hasil dari kajian ini pengkaji mendapati responden daripada lima kaum di Sipitang merupakan golongan yang sangat aktif untuk mencorak variasi bahasa Melayu Sabah. Intipati kajian menunjukkan bahawa dialek Brunei dan Kedayan sangat berpengaruh dalam leksikal bahasa Melayu Sabah. Bahasa Melayu kaum

peribumi Sabah turut mencerminkan budaya dialek dalam perkataan-perkataan yang mendukung makna berkaitan kepercayaan agama, idea ghaib, makanan, objek dan amalan. Bahasa Melayu Sabah ialah cabang daripada vernakular Melayu Brunei yang telah menerima pengaruh serantau dan berkembang menjadi satu komunikasi antara kaum dengan ciri pijin.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

## **VARIATION OF MALAY LANGUAGE COMMUNITY SIPITANG, SABAH**

By

**KAMARLIN BIN HJ. OMBI**

**August 2019**

**Chairman : Norazlina binti Haji Mohd Kiram, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

In general, this study aims to examine the variation of Malay language among the people in Sabah Sipitang is done because of differences bachelor's Sabah Malay dialect, the ambiguity of language and vocabulary differences between the races. Generally, varieties of Malay analyzed using the framework nature of the lexicon, Malay style changes were analyzed based on the theory of substrate, thereby developing a variety of Malay culture. In particular, three objectives, namely to identify varieties of Malay society Sipitang in Sabah, analyze the changes that affect the use of the Malay language variation in Sipitang, Sabah, and formulate style Malay language and cultural relevance in society Sipitang, Sabah. Samples of the study were Sabah natives of Murut, Dusun, Bajau, Brunei and Kedayan residents of Sipitang district. This study is done by applying substratum theory (Aitchison, 2004) which divides this theory into five general principles, namely, foreign elements, substratum versus loan, social prestige and functional requirements. This study also uses the Asma Haji Omar (2008) lexicon character framework by focusing on the formation of lexical texts consisting of standard languages, dialects, bilinguals and bilinguals. Subsequent studies conducted in this field involved 40 respondents comprising people in Sipitang district. As most speakers of the indigenous people of Sabah Sabah Malay language as a second language, they tend to borrow the words of their native language. Of particular importance in this study were the variation of the regions or regions because differences in the use of words and expressions could be detected from the five-person conversation studied. Next, the results of this study researchers found that respondents from five races in Sipitang is a very active group to shape variation Malay Sabah. The essence of the study showed that the dialects of Brunei and Kedayans very influential in lexical Malay Sabah. Malay ethnic groups from Sabah also reflects the culture of dialect in favor of words related to the meaning of religious faith, the idea of the supernatural, food, objects and practices. Malay Sabah is a branch of the Brunei Malay vernacular that has received regional influence and developed into a communication between people with pidgin features.

## PENGHARGAAN

Dengan nama-Mu, Ya Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Segala Puji dipanjatkan ke atas-Mu kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan kajian ini bagi memenuhi syarat memperoleh Doktor Falsafah (Bahasa Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. Kajian ini tidak mungkin dapat diselesaikan tanpa bantuan dan galakan dari pelbagai pihak sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada kedua-dua ibu bapa saya, Hjh Andi binti Asin dan Hj Ombi bin Hj Tinggal yang sentiasa memberi kata-kata semangat dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Doa dan restu mereka yang tidak pernah putus-putus memberi motivasi kepada saya untuk tekun menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh ahli keluarga atas doa, semangat jua bantuan yang diberikan sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada semua penyelia tesis saya dari Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia kerana telah memberi sepenuh bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Tanpa bantuan beliau, adalah suatu yang mustahil untuk saya menyiapkan kajian ini seperti yang ditetapkan oleh pihak fakulti. Saya juga ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, malah tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tanpa bantuan anda semua, agak sukar untuk saya menjayakan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang tidak dapat dinyatakan di sini kerana telah membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Segala bimbingan, tunjuk ajar, sokongan dan bantuan anda semua, saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Norazlina Haji Mohd Kiram, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Sharil Nizam Sha'ri, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Hasnah Mohamad, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Rekabentuk dan Senibina  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Noor Aina Dani, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Februari 2021

## JADUAL KANDUNGAN

		Muka surat
	<b>ABSTRAK</b>	i
	<b>ABSTRACT</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>PENGESAHAN</b>	v
	<b>PERAKUAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>BAB</b>		
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	Pengenalan	1
	Pernyataan Masalah	3
	Objektif Kajian	6
	Persoalan Kajian	6
	Kepentingan Kajian	6
	Skop Kajian	9
	Definisi Operasional	9
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	12
	Pengenalan	12
	Kajian Pemilihan Variasi Bahasa dalam Masyarakat	12
	Kajian Variasi Bahasa dan Identiti	17
	Kajian Perubahan Penggunaan Bahasa	19
	Kajian Bahasa dan Budaya Setempat	24
	Perkaitan Sorotan Literatur dengan Kajian yang dijalankan	27
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	30
	Pengenalan	30
	Reka Bentuk Kajian	30
	Kerangka Teori Substratum	30
	Kerangka Sifat Leksikon (Asmah Haji Omar, 2008)	33
	Tempat Kajian	35
	Pensampelan	37
	Kaedah Kajian	37
	Bahan Kajian	38
	Alat Kajian	38
	Kajian Sebenar	39
	Penganalisan Data	40
	Pengumpulan Data	40
	Pemerosesan Data	41
	Kerangka Konseptual	42

<b>4</b>	<b>ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>	43
	Pengenalan	43
	Analisis dan Perbincangan	43
	Variasi Bahasa Melayu Masyarakat Sipitang Sabah dengan menggunakan kerangka (sifat leksikon Asmah Haji Omar 2008)	43
	Variasi Bahasa Melayu Murut	43
	Variasi Bahasa Melayu Dusun	46
	Variasi Bahasa Melayu Bajau	49
	Variasi Bahasa Melayu Brunei	51
	Variasi Bahasa Melayu Kedayan	54
	Perubahan Variasi Bahasa Melayu di Sipitang, Sabah berdasarkan Teori Substratum oleh Aitchison (2001)	56
	Perubahan Variasi Bahasa Melayu Murut	57
	Perubahan Variasi Bahasa Melayu Bajau	73
	Perubahan Variasi Bahasa Melayu Brunei	81
	Perubahan Variasi Bahasa Melayu Kedayan	89
	Variasi Bahasa Melayu dan Kaitannya dalam Budaya Setempat	96
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	104
	Pengenalan	104
	Rumusan Variasi Bahasa Melayu masyarakat Sipitang, Sabah dengan menggunakan kerangka Sifat Leksikon oleh Asmah Haji Omar (2008)	104
	Cadangan Kajian Pada Masa akan Datang	108
	<b>RUJUKAN</b>	111
	<b>LAMPIRAN</b>	115
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	148
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	149

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Sampel Belia Masyarakat Sipitang	37
4.1 Variasi Bahasa Melayu Murut	44
4.2 Variasi Bahasa Melayu Dusun	46
4.3 Variasi Bahasa Melayu Bajau	49
4.4 Variasi Bahasa Melayu Brunei	51
4.5 Variasi Bahasa Melayu Kedayan	54
4.6 Perubahan Variasi Bahasa Melayu Murut	57
4.7 Perubahan Variasi Bahasa Melayu Dusun	65
4.8 Perubahan Variasi Bahasa Melayu Bajau	73
4.9 Perubahan Variasi Bahasa Melayu Brunei	81
4.10 Perubahan Variasi Bahasa Melayu Kedayan	89

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
1.1 Peta Negeri Sabah (Simon dan Charles, 2018)	2
1.2 Tiga Variasi Dialek Melayu di Negeri Sabah	2
3.1 Sifat Leksikon Bahasa Melayu (Asmah, 2008)	34
3.2 Kawasan Daerah Sipitang di Sabah	36
3.3 Peta daerah-daerah di negeri Sabah	36
3.4 Kerangka Konseptual	42

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Sesuatu kawasan penyebaran bahasa pasti ada variasi yang berdasarkan kawasan. Sabah mempunyai banyak variasi kawasan, yakni kelainan bahasa yang dituturkan dalam satu kawasan tertentu. Penutur sesuatu variasi kawasan boleh memahami beberapa variasi kawasan yang lain, terutama yang berdekatan dengannya. Variasi kawasan dikenali juga sebagai dialek kawasan, dialek, atau loghat (Asmah, 2008:54). Dalam tesis ini, dialek kawasan yang dimaksudkan ialah dialek Melayu Sabah.


Variasi bahasa Melayu di Sabah berbeza daripada di Semenanjung Malaysia. Perbezaan ini terhasil daripada pengaruh bahasa tempatan (contohnya, bahasa Dusun, Bajau, dan Murut) yang juga bahasa negara jiran (Melayu Brunei dan Indonesia). Dialek Melayu di kawasan Papar, Membakut, Beaufort, Pulau Labuan, Kuala Penyu, dan Sipitang menerima pengaruh bahasa Melayu Brunei, manakala bahasa Melayu di Pantai Timur Sabah (Sandakan, Lahad Datu, Tawau, Kunak dan Semporna) pula banyak menyerap bahasa Tagalog dan bahasa Indonesia.

Di daerah Ranau, Keningau, Tambunan, Tamparuli, Tuaran, Kundasang, Papar, Penampang, Kudat, Tongod, dan Beluran mendapat pengaruh bahasa Dusun atau Kadazan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji memilih daerah Sipitang sebagai mewakili kawasan penyebaran bahasa Melayu di Sabah. Hal ini kerana Sipitang menerima pengaruh bahasa Melayu Brunei dan juga bahasa kaum peribumi yang bermastautin di daerah Sipitang (Hoogervorst, 2011:50-51). Rajah 1.1 memperlihatkan peta umum negeri Sabah dan tiga variasi kawasan penyebaran dialek Melayu di Sabah.

Tiga variasi kawasan itu ialah Sipitang di kawasan pedalaman negeri Sabah, kawasan Ranau yang terletak di pantai barat utara, dan kawasan Pulau Semporna di Selatan perairan negeri Sabah. Perbezaan variasi kawasan dapat didengar dan dialami apabila seseorang bergerak dari kawasan Sipitang ke kawasan Ranau atau Pulau Semporna. Semakin besar jumlah penutur, semakin luas daerah penyebaran bahasa, dan semakin banyak pula perbezaan yang wujud antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Berdasarkan pengalaman pengkaji sebagai penduduk peribumi Sabah, variasi bahasa Melayu di Sabah dapat dibahagikan kepada tiga kawasan iaitu, di Sipitang, Semporna, dan Ranau seperti yang tertera dalam Rajah 1.2.



**Rajah 1.1 : Peta Negeri Sabah** (Simon dan Charles, 2018)



**Rajah 1.2 : Tiga Variasi Dialek Melayu di Negeri Sabah**

Penduduk di kawasan Sipitang biasanya bertutur dalam dialek yang menerima pengaruh bahasa Melayu Brunei kerana Sipitang pernah bernaung di bawah Kesultanan Brunei. Dialek Melayu di kawasan Semporna dipengaruhi bahasa Suluk, Tagalog, dan Indonesia kerana Semporna ialah sebuah pulau di selatan negeri Sabah yang berhampiran dengan perairan Filipina dan Indonesia. Dialek Melayu di daerah Ranau yang terletak di kawasan pantai barat utara Sabah menerima pengaruh bahasa Dusun lantaran majoriti penduduk di daerah tersebut terdiri daripada kaum Dusun. Fokus variasi bahasa Melayu dalam kajian ini ialah kawasan Sipitang.

Berdasarkan pemerhatian awal pengkaji, penggunaan dialek Melayu Sabah sebagai bahasa pertuturan di rumah dalam kalangan generasi muda tampak merosot. Kebanyakan generasi tua dan dewasa dalam masyarakat di Sipitang, Sabah menguasai lebih daripada dua bahasa, sama ada bahasa ibunda dan bahasa Inggeris atau bahasa peribumi yang lain. Mereka menggunakan dialek Melayu Sabah dalam komunikasi harian. Oleh hal yang demikian, terdapat kecenderungan pencampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta bahasa peribumi yang lain.

### **Pernyataan Masalah**

Kajian ini dilakukan kerana berlakunya perbezaan sarjana mengenai bahasa Melayu dialek Sabah, kerancuan bahasa dan perbezaan kosa kata antara kaum. Dalam konteks ini, perbezaan sarjana mengenai bahasa Melayu dialek Sabah yang memerlukan penjelasan dan seterusnya perbincangan secara umum untuk memberi manfaat kepada semua pihak. Kelompangan yang dimaksudkan dalam kajian ini merangkumi kerancuan bahasa dan perbezaan kosa kata yang digunakan antara kaum.

Pemerian dialek Melayu di Sabah sehingga ini menurut pendapat tiga tokoh bahasa, belum dapat mengenal pasti satu kelainan yang boleh dianggap sebagai bahasa Melayu dialek Sabah. Sarjana yang mengkaji bahasa Melayu seperti Collins (1989:240; 2006:46) dan Clynes (2001) berpendapat bahasa Melayu yang dituturkan di Sabah ialah bahasa Melayu dialek Melayu Brunei. Sebaliknya, Hoogervorst (2011) mendapati adanya pengaruh pertuturan masyarakat peribumi dan imigran Sabah secara fonologi dan leksikal. Kata dan ayat yang direkodkan oleh Hoogervorst semasa kerja lapangan di pelbagai bahagian Sabah menjelaskan adanya pengaruh tersebut. Sejarah daerah-daerah negeri Sabah sangat kompleks dan jarang dikaitkan dengan dialek Melayu yang dituturkan di Sabah. Selalunya batas daerah dan nama kampung menjadi panduan para sarjana yang menulis tentang dialek-dialek Melayu. Grid peta menyediakan rangka kerja yang mengunci penyelidikan sebenar pada dialek Melayu. Data-data yang sedia ada mempunyai banyak perbezaan dengan variasi yang dituturkan di kawasan Sipitang dan di tempat lain. Oleh sebab itu, belum terdapat justifikasi yang cukup untuk mempertimbangkan sama ada kelainan bahasa Melayu yang dituturkan di



kawasan Sipitang ialah dialek Melayu Kedayan atau dialek Melayu Brunei.

Umumnya, variasi BMS jarang diiktiraf sebagai dialek Melayu Sabah, bahkan tiada catatan yang jelas tentang dialek Melayu Sabah. Catatan yang dilakukan oleh Collins (1991:689) bahawa BMS ialah cabang daripada Melayu Brunei. Pandangan ini turut mengundang masalah apabila Sabah tidak mempunyai sebarang rujukan tradisi budaya atau kesusteraan silamnya untuk mengaitkan tentang bahasa Melayu itu sendiri. Pendapat mengenai pembahagian sewenang-wenang BMS jelas tidak mempertimbangkan kompleksiti bahasa-bahasa kaum yang ada di Sabah.

Seterusnya, tidak banyak kajian deskriptif yang telah dijalankan pada variasi bahasa Melayu di Sabah. Chuchu (2005) menyediakan data leksikalmengenai variasi yang dituturkan di sekitar Teluk Brunei tetapi melihat secara eksklusif pada pertuturan komuniti bahasa ibunda. Terdapat dua makalah ringkas mengenai bahasa Melayu Sabah (Nathesan 1993; Zainal Abidin Bakar 1993) dan disertai yang sangat berguna dalam fonologi dan fungsi sosial Melayu Sabah (Wong 2000). Walau bagaimanapun, masih ada kelompangan data komprehensif mengenai keterkaitan BMS dengan bahasa-bahasa kaum Murut, Dusun, Bajau, Brunei dan Kedayan di Sabah.

Kelompangan seterusnya, ialah masalah kerancuan bahasa Melayu Sabah dapat disusuri berdasarkan hubungan sejarah yang rapat dengan dialek Melayu lain yang dituturkan di Borneo, khususnya Melayu Brunei. Lebih daripada itu, ujaran bahasa Melayu Sabah banyak dipengaruhi leksikal komuniti peribumi dan imigran di Sabah. Hal ini kerana fenomena bahasa di Sabah terdiri daripada 52 kumpulan kaum dengan dialek bahasa kaum yang berbagai-bagai, imbangan yang hampir setara berlaku kalau dilihat daripada segi pengaruh bahasa kaum dalam bahasa Melayu Sabah sehingga mengelirukan penutur bahasa Melayu dari luar negeri Sabah. Kekeliruan penggunaannya hanya akan meningkatkan kadar rancu dalam bahasa Melayu Sabah (Nathesan, 1993:448). Masalah kerancuan perkataan dan ayat dalam bahasa Melayu Sabah didapati daripada kaum Murut, Dusun, Bajau, Brunei dan Kedayan semasa kerja lapangan di Sipitang, Sabah.

Selain daripada itu, keclaruan dan percampuran kod bahasa dan jati diri juga mengundang masalah di Sipitang. Dalam konteks kajian ini, kumpulan penutur yang terdiri daripada kaum Murut, Dusun, Bajau, Brunei dan Kedayan menggunakan variasi bahasa Melayu Sabah yang lebih difahami dalam komuniti masing-masing berbanding penutur bahasa Melayu dari luar negeri Sabah. Hal ini kerana bahasa Melayu Sabah dituturkan dengan repertoir yang berlainan dari satu kaum ke satu kaum yang lain. Menurut Wong (2000:133), di bandar dan kawasan pinggirnya, bahasa Melayu Sabah (selepas ini BMS) lebih disukai oleh masyarakat berbanding bahasa Melayu standard atau bahasa Malaysia (selepas ini BM) sebagai alat komunikasi dalam kumpulan.

Situasi bahasa yang sedemikian mewujudkan status BMS sebagai dialek yang berbeza.

Umumnya, BM hanya digunakan dengan orang luar, termasuk orang-orang dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Variasi BMS berfungsi sebagai bahasa kedua bagi kebanyakan penutur kaum Murut, Dusun, Bajau, Bruneidan Kedayan di Sipitang, Sabah. Oleh sebab itu, penentuan yang mana boleh digolongkan sebagai bahasa tinggi atau bahasa rendah antara BMS dan BM bergantung pada persepsi masyarakat penutur tetapi jika berhenti di situ sahaja, maka kita menyisihkan ciri-ciri budaya Melayu yang mementingkan kesopanan dan kehalusan tingkah laku, dan bahasa adalah sebahagian daripada tingkah laku penutur (Asmah, 2008:51). Tetapi, BMS telah dicemari oleh bahasa ibunda masing-masing menyebabkan perbezaan yang ketara dari segi makna dan maksud pada kata yang dipilih merujuk kepada sesuatu benda atau konsep. Kehadiran pelbagai variasi bagi sesuatu leksikal di kawasan Sipitang memperlihatkan penggunaan dialek Melayu Sabah dalam kalangan kaum seperti Murut, Dusun, Bajau, Brunei dan Kedayan di kawasan tersebut. Hasil kajian Siti Noraini, et al. (2014:38-39) menunjukkan bahawa hal ini terjadi disebabkan oleh faktor migrasi dan juga memperlihatkan peranan dialek sosial yang mempengaruhi penutur di sesuatu kawasan dalam menuturkan sesuatu leksikal. Di kawasan Sipitang, kata 'indung' mempunyai persamaan makna dengan kata 'induk', 'ibu', 'bapa', 'ketua', dan 'asal usul'. Kata 'indung' berasal daripada bahasa Melayu Brunei, yakni salah satu kelompok sosial yang telah lama bermastautin di Sipitang. Faktor migrasi dan pengaruh sosial merupakan variasi luar berdasarkan daerah asal penutur Brunei yang telah menjadi penduduk tetap di Sipitang.

Seterusnya budaya yang pelbagai melahirkan variasi bahasa di Sipitang. Faktor 'budaya dialek' dalam kalangan kaum Brunei, Bisaya, Dusun, Kedayan, Bajau, Bugis, Lundayeh, Melayu, Murut, dan Rungus menimbulkan variasi kosa kata yang sukar difahami oleh mereka yang tidak terdedah kepada cara hidup, pemikiran dan kegiatan seharian kaum tersebut. Budaya dialek pelbagai kaum di kawasan Sipitang tersirat melalui makanan yang khusus, pekerjaan dan amalan. Misalnya, kaum Bisaya merujuk pokok, batang, kulit dan isi rumbia sebagai 'pokok sagu', 'batang sagu', 'kulit sagu' dan 'isi sagu' lantaran 'sago' merupakan sumber makanan asasi kaum ini. Kaum Dusun pula mengenal 'sago' sebagai ramuan pencuci mulut atau kuih-muih. Perbezaan dalam perbendaharaan kata antara dialek Melayu tidak terbatas kepada budaya kebendaan, tetapi juga kepada persanakan, kata ganti diri, kata yang menggambarkan perbuatan atau sifat tertentu. Kata 'lawar' dalam dialek di selatan Semenanjung bermakna cantik, tetapi dalam dialek Brunei bermakna 'sombong'.

Sebagai penutur dialek Melayu Sabah, pelbagai generasi penutur yang wujud, merupakan agen perubahan bahasa dalam komuniti dialek di kawasan Sipitang. Hal ini kerana generasi muda lebih terbuka kepada ciri linguistik yang

lebih moden, berprestij dan sesuai dengan masyarakat kota menyebabkan jurang komunikasi. Sebaliknya, golongan tua atau warga emas sangat terikat pada tradisi. Oleh sebab itu, mereka berasa terasing daripada variasi bahasa baharu yang dianggap oleh mereka menyimpang daripada kegunaan untuk organisasi atau rangkaian sosial mereka. Generasi pertengahan umur pula mungkin menyesuaikan bahasanya dengan ciri linguistik lama agar lebih dekat dengan penggunaan bahasa generasi tua. Pada masa yang lain, mereka mungkin menggunakan elemen linguistik baharu yang dianggap sebagai ciri generasi muda (Belahcen & Ouahmiche, 2017:5).

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif yang berikut:

- i. Mengenal pasti variasi bahasa Melayu masyarakat Sipitang di Sabah.
- ii. Menganalisis perubahan yang mempengaruhi penggunaan variasi bahasa Melayu di Sipitang, Sabah.
- iii. Merumuskan variasi bahasa Melayu dan kaitannya dalam budaya setempat masyarakat Sipitang di Sabah.

### **Persoalan Kajian**

Berikut merupakan persoalan bagi kajian ini:

- i. Apakah variasi bahasa Melayu masyarakat Sipitang di Sabah ?
- ii. Mengapakah perubahan variasi bahasa Melayu Sabah bagi kaum Murut, Dusun, Bajau, Brunei dan Kedayan?
- iii. Sejauhmanakah variasi bahasa Melayu masyarakat Sipitang dipengaruhi oleh budaya setempat?

### **Kepentingan Kajian**

Pemerian dialek Melayu di Sabah oleh Asmah (2008); Collins (1989:2006) dan Clynes (2001) memberi maklumat baharu kepada pengkaji mengenai kemungkinan sampel kajian menggunakan dialek Melayu Kedayan atau dialek Melayu Brunei di luar pengetahuan mereka sewaktu menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian. Sekiranya hal ini benar, kaum manakah yang menggunakan dialek Melayu Kedayan atau dialek Melayu Brunei, adakah kaum Bajau, Brunei, Dusun atau Murut? Di antara semua sampel kajian ini, golongan manakah pula yang lebih kerap menggunakan dialek Melayu Kedayan atau dialek Melayu Brunei, adakah golongan belia, golongan pertengahan umur atau golongan lebih tua? Penemuan kajian ini penting

supaya dapat ditentukan salah satu variasi dialek Melayu yang sebenarnya digunakan oleh sampel kajian di daerah Sipitang.

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan ciri-ciri linguistik variasi bahasa Melayu masyarakat Sipitang, Sabah. Sehubungan dengan itu, berlaku perbezaan ciri linguistik umum yang membezakan bahasa Melayu Sabah dengan bahasa Melayu standard. Kajian ini merupakan penerangan awal tentang variasi Bahasa Melayu yang digunakan sebagai bahasa lingua franca di negeri Sabah yang terletak di hujung utara Borneo. Hasil kajian membincangkan beberapa ciri linguistik umum yang membezakan bahasa Melayu Sabah daripada bahasa Melayu standard selepas ini (BM). Di Sabah, pelbagai kaum menggunakan bahasa Melayu mengikut kaum masing-masing dalam kalangan penutur dari pelbagai latar belakang linguistik sebagai alat komunikasi antara kaum. Seterusnya, kajian ini dapat menunjukkan kepentingan ciri-ciri linguistik penting yang membezakan dialek Borneo daripada variasi Melayu yang lain dan Melayu Proto iaitu, /ə/ berkembang menjadi /a/ dalam bahasa Melayu Brunei, Melayu Berau, Melayu Kutai dan Melayu Banjar. Kedua, pemisahan Melayu Proto /o/ ke

/u/, dan /e/ ke /i/ dalam variasi Melayu Borneo. Sebagai tambahan kepada persamaan fonologi ini, Collins (1991:691-692) menyediakan contoh perubahan leksikal yang dikongsi oleh beberapa dialek Melayu Borneo. Beberapa contoh tersebut akan diteliti dalam kajian terhadap BMS di kawasan Sipitang, Sabah.

Seterusnya dalam konteks penyelidikan ini, pengkaji menjelaskan perbezaan variasi bahasa, kosa kata kerana kaum Kedayan, Brunei, Dusun, Murut dan Bajau telah mencorak kerancuan variasi Bahasa Melayu di Sipitang. Sehubungan dengan itu pengkaji memerikan variasi sifat leksikon BMS berdasarkan saranan Asmah (2008:273-279). Sifat leksikon yang diperhatikan merangkumi leksem (unit makna yang boleh ditarik keluar daripada butiran leksikal), kata dialek dan kata pinjaman. Pengkaji menganalisis sifat leksikon yang berjumlah 217 kata ganti nama diri, kata ganti nama penunjuk, kata tanya, kata nafi, kata bilangan, kata adjektif, kata nama am, kata kerja, kata sendi dan kata penghubung dalam Senarai Swadesh. Analisis sedemikian adalah penting kerana penutur dialek Melayu di kawasan Sipitang, Sabah terdiri daripada pelbagai kaum, dan yang menjadi fokus pengkaji ialah Murut, Dusun, Bajau, Brunei dan Kedayan. Selain itu, hasil penelitian memaparkan (1) penambahan fonem, (2) penghilangan fonem, dan (3) penggantian fonem kerana berlaku peleburan vokal yang terdapat dalam sistem enam-vokal asas: *i* dan *e*- taling lebur menjadi *i* sahaja; *e*-pepet dan *a* lebur menjadi *a* sahaja; *u* dan *o* lebur menjadi *u* sahaja dalam BMS akibat daripada variasi dalaman atau sistematik bahasa itu sendiri.

Dalam aspek budaya dan jati diri bahasa, kajian ini menjelaskan betapa bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya iaitu, cara hidup dan persekitaran fizikal serta sosial masyarakat (Asmah Hj Omar, 1988). Seterusnya, setiap komuniti masyarakat mesti mematuhi peraturan sosial untuk menjaga hubungan baik antara penutur bahasa ketika berkomunikasi satu sama lain. BMS sebagai dialek sosial di Pekan Sipitang digunakan sebagai indikator identiti penuturnya. Malahan, dialek itu sendiri ialah penanda solidariti bagi kelompok masyarakat bahasa yang memilikinya. Sebagai penanda solidariti, BMS berfungsi sebagai wahana penimbul rasa senasib dan penanggung, terlebih-lebih lagi ketika warga masyarakat berada bersama-sama kelompok masyarakat bahasa atau bangsa lain. Keadaan ini menimbulkan fenomena yang kadang-kadang aneh tetapi tidak dapat dinafikan iaitu, secara tiba-tiba mereka menunjukkan sikap akrab dengan mereka yang menuturkan sama dialek. Fenomena ini dihubungkan dengan variasi luaran atau ekstra sistematik.

Kajian tentang variasi BMS ini tidak lengkap jika mengabaikan 'budaya dialek' pelbagai kaum di Pekan Sipitang. Seperti yang diperkatakan oleh Kramsch (2003:3), "Bahasa menzahirkan realiti budaya" (*Language expresses cultural reality*). Oleh hal yang demikian, ungkapan yang diujarkan oleh sekumpulan kaum di Pekan Sipitang merujuk kepada pengalaman yang sama. Mereka juga mewujudkan pengalaman melalui bahasa, dan memberikan makna kepadanya melalui medium yang dipilih untuk berkomunikasi antara satu sama lain.

Dalam kajian ini, variasi bahasa dari segi penutur melibatkan sosiolek yang berkaitan dengan usia. Perbezaan variasi bahasa bukanlah berkaitan dengan kandungan perbualan, tetapi perbezaan morfologi, sintaksis dan kosa kata. Dari segi penggunaannya, variasi bahasa Melayu standard terdiri daripada sejumlah kosa kata khusus iaitu, kata ganti nama diri, kata bilangan, kata adjektif, kata nama, kata kerja, kata rujukan, dan kata sendi seperti yang terkandung dalam senarai Swadesh.

Melalui kajian ini dapat diketahui serapan bahasa di Sipitang, Sabah. Bahasa Melayu di Sipitang bersifat dinamik, yang bererti bahasa itu tidak terlepas daripada perubahan. Pada waktu tertentu akan muncul kosa kata baharu, dan kosa kata lama didapati tenggelam iaitu, tidak digunakan lagi. Andaian teori Substratum Aitchison (2001) mengatakan bahawa perubahan bahasa berlaku kerana adanya serapan unsur bahasa asing akibat pertembungan atau kontak bahasa. Dalam konteks kajian ini, hal ini perlu dibuktikan dengan melibatkan pelbagai kaum peribumi di negeri Sabah, khususnya Murut, Dusun, Bajau, Brunei dan Kedayan. Kejelasan yang diwarisi merupakan pemahaman yang tidak dipelajari, yang dapat dikaitkan dengan persamaan linguistik, seperti sistem bunyi dan struktur tatabahasa. Semakin banyak persamaan yang dikongsi, semakin besar pula kata milik bersama BMS dengan BM.



## **Skop Kajian**

Skop kajian ini mencakupi usaha mengenal pasti variasi bahasa Melayu masyarakat penutur di Pekan Sipitang, Sabah yang terletak berhampiran dengan sempadan negeri Sarawak-Brunei Darussalam. Terdapat tiga Mukim di Sipitang, Sabah iaitu, Mukim Mesapol, Bandar dan Sindumin. Ketiga-tiga mukim ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana penduduk yang tinggal di kawasan ini terdiri daripada kaum Murut, Dusun, Bajau, Brunei dan Kedayan. Mereka berkomunikasi menggunakan BMS walaupun berbeza kaum. Variasi penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan sampel kajian diselidik dengan menggunakan kerangka Sifat Leksikon oleh Asmah Haji Omar (2008). Selain itu, faktor yang mempengaruhi variasi bahasa Melayu Sabah mengikut generasi yang berlainan diolah berdasarkan gagasan teori Substratum oleh Aitchison (2001). Kaedah menganalisis kata kognat diaplikasikan berdasarkan Senarai Swadesh iaitu, antara Bahasa Melayu Standard dan dialek Melayu Sabah, di samping menjalankan tinjauan lapangan dengan mengedarkan soal selidik. Kajian ini akan dijalankan terhadap generasi belia penutur peribumi Sabah iaitu, belia (16-30 tahun) berjumlah 40 sampel. Belia yang berumur 16-30 tahun adalah umur yang dipersetujui untuk umur belia di Malaysia seperti yang dinyatakan oleh (Khairy Jamaluddin, 2014) sewaktu pembentangan Program Dasar Belia Malaysia (DBM) 2014.

## **Definisi Operasional**

Dalam konteks kajian ini, pengkaji meneliti beberapa definisi istilah variasi bahasa yang dikemukakan oleh beberapa sarjana tersohor sebelum dapat memutuskan definisi operasional yang sesuai.

## **Variasi Bahasa**

Variasi bahasa ialah ciri linguistik yang dikaitkan dengan perbezaan dalam kelas atau kumpulan. Salah satu cara mencirikan variasi tertentu ialah dengan mengatakan bahawa penutur bahasa tertentu kadang-kadang bercakap dialek yang berbeza dalam bahasa itu (Wardhaugh, 2006: 135). Selanjutnya, definisi variasi bahasa menurut Mooney & Evans (2015:240) ialah bentuk bahasa yang digunakan oleh sekumpulan penutur; meskipun mirip dengan istilah 'dialek', 'variasi' lebih disukai untuk mengelakkan asosiasi negatif 'dialek'. Bagi Chaer & Leoni (2004:62), variasi bahasa ialah penggunaan bahasa berdasarkan perbezaan penutur. Perbezaan penutur bermaksud siapakah yang menggunakan bahasa itu, tempat tinggalnya, kedudukan sosialnya dalam masyarakat, jenis gender, dan bilakah bahasa itu digunakan. Penggunaan pula bermaksud untuk apakah bahasa itu digunakan, dalam bidang apa, apakah jalur dan alatnya, dan bagaimanakah pula konteks situasinya. Pandangan Chaer & Leoni (2004) inilah yang digunakan untuk menerangkan penggunaan bahasa mengikut perbezaan penutur.

Variasi bahasa dalam konteks kajian ini ialah variasi kawasan. Dalam hal ini, Asmah (2008:54) mendefinisikan variasi kawasan sebagai kelainan bahasa yang dituturkan dalam satu-satu kawasan tertentu. Penutur-penutur sesuatu variasi kawasan boleh memahami variasi-variasi kawasan yang lain, terutamanya yang berdekatan dengannya. Variasi kawasan dikenali juga sebagai dialek kawasan, dialek, atau loghat (Asmah, 2008:54).

Kerangka Sifat Leksikon oleh Asmah (2008) yang merangkumi empat sifat leksikon iaitu, bahasa standard, kata dialek, kata pinjam dan kata ganda. Bahasa standard bermaksud bahasa yang berlain dengan bahasa biasa yang digunakan sesebuah komuniti sebelum ini. Kebanyakan bahasa standard melibatkan perkataan yang bersifat prestij dan juga berkaitan dengan perkembangan teknologi manusia. Kata dialek merupakan milik bahasa sesebuah komuniti di kawasan yang tertentu. Kebanyakan kata dialek melibatkan ciri-ciri bunyi, penggunaan imbuhan, perbendaharaan kata, prasa dan ayat. Kata pinjam merujuk kepada perkataan dari bahasa asing sebagai peminjaman bahasa, ia dianggap satu gejala sosial yang tabii dalam hubungan antara manusia. Misalnya, tom yam (bahasa Thai) dan teh (bahasa Cina)diguna pakai di Malaysia. Kata ganda pula merupakan proses penggandaan yang berulang seluruh kata atau sebahagian kata, yang membawa maksud dan makna yang berlainan kepada masyarakat pengguna bahasa yang lain. Contohnya, kanak-kanak menunjukkan bilangan dan laki-laki bermaksud jantina.

### **Kerancuan Bahasa**

Kerancuan bahasa merupakan fenomena bahasa yang berlaku secara berleluasa dewasa ini. Fenomena ini bagaikan sudah diterima oleh masyarakat multilingual dan menjadi amalan biasa (Noor Aida , Faizah & Nasariah, 2014).

Hashim Musa dan Halimah Pondo (2012), mengatakan bahawa kerancuan bahasa ini boleh merosakkan keteraturan, kehalusan dan keintektualan bahasa Melayu, kerana menjejaskan sistem dan peraturannya yang menyebabkan keclaruan dan ketidaktekalannya. Ini merosakkan martabat dan kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa pendidikan, dan bahasa ilmu tinggi, yang akhirnya akan menurunkan maruahnya dan disisihkan sedikit demi sedikit oleh pengguna bahasanya.

Kerancuan bahasa Melayu Sabah dapat diteliti daripada 52 kumpulan kaum dengan dialek bahasa kaum yang berbagai-bagai, imbalan yang hampir setara berlaku kalau dilihat daripada segi pengaruh bahasa kaum dalam bahasa Melayu Sabah sehingga mengelirukan penutur bahasa Melayu dari luar negeri Sabah. Malah, ujaran bahasa Melayu Sabah banyak dipengaruhi leksikal komuniti peribumi dan imigran di Sabah sehingga menimbulkan

kekeliruan penggunaannya hanya akan meningkatkan kadar rancu ayat dalam bahasa Melayu Sabah yang melibatkan kaum Murut, Dusun, Bajau, Brunei dan Kedayan semasa kerja lapangan di Sipitang, Sabah.

### **Masyarakat Sipitang**

Penduduk Sabah terdiri daripada berbagai-bagai kaum dengan latar belakang dan kebudayaan masing-masing. Penduduk aslinya atau lebih dikenali sebagai bumiputera, terdiri daripada sekurang-kurangnya 31 kumpulan dengan menggunakan lebih daripada 50 bahasa dan tidak kurang daripada 90 dialek. Walaupun penduduk Sabah mempunyai pelbagai bahasa tetapi semua penduduknya menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi. Dalam urusan harian pula penduduknya akan berkomunikasi menggunakan logat bahasa Melayu Sabah (BMS). Menurut klasifikasi awal yang diberikan oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara, penduduk peribumi asli Sabah (Borneo Utara) terdiri daripada kaum Dusun, Murut, Bisaya, Orang Sungai, Kwijau, Kedayan, Idahan, Bajau, Brunei, Dayak, Suluk, dan lain-lain. Dusun dan Murut merupakan dua kumpulan kaum yang terbesar bilangannya (Marina, 2009:7). Dalam penyelidikan ini, masyarakat Sipitang yang dimaksudkan ialah kaum Murut, Dusun Bajau Brunei, Bajau dan Kedayan yang menetap di Daerah Sipitang, terdiri daripada tiga mukim iaitu, Mukim Mesapol, Bandar dan Sindumin. Setiap Mukim mempunyai beberapa kampung dimana kelima-lima kaum ini tinggal samada berkelompok dan berjiran antara satu sama lain.

Terdapat tiga lokasi penempatan utama yang berbeza penduduk sipitang iaitu kawasan persisiran pantai, kawasan bandar dan kawasan pedalaman. Mereka hidup mengamalkan bahasa dan budaya masing-masing. Pekerjaan utama penduduknya adalah sebagai Petani, pekerja kilang dan bekerja di jabatan kerajaan dan swasta. Seorang Pegawai Daerah ditugaskan untuk mengurus tadbir daerah. Sipitang juga merupakan daerah pedalaman di negeri Sabah yang terletak berhampiran dengan sempadan negeri Sarawak-Brunei Darussalam.



## RUJUKAN

- Adelaar, Alexander K. (2005). "Structural diversity in the Malayic subgroup", in: Alexander Adelaar and Nikolaus P. Himmelmann (eds), *The Austronesian Languages of Asia and Madagascar*, pp. 202-226. London and New York: Routledge.
- Aitchison, Jean, (2004). *Language Change: Progress or Decay?* (3rd ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Asmah Haji Omar. ( 2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kualai Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatrohaedi. (1983). *Dialektologi: Sebuah Pengantar*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Belahcen, A., & Ouahmiche, G.(2017). An Investigation of Language Variation and Change Among Three Age-Groups: A Case Study. *International Journal of Language and Linguistics*. Special Issue: New Trends in Arabic Sociolinguistics. Vol. 5, No. 3-1, 2017, pp. 24-35.
- Chaer, A., & Leoni, A. (2004). *Sosiolinguistik: Perkenalan Awal*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Chuchu, Haji Jaludin bin Haji. 2005. Ragam-ragam dialek Melayu Brunei. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Clynes, A. (2001). *Brunei Malay: An Overview*. Occasional Papers in Language Studies, Department of English Language and Applied Linguistics, Universiti Brunei Darussalam, Volume 7, pp. 11-43.
- Collins, J. T. (1989). Malay dialect research in Malaysia: The issue of perspective. *Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia*. 145. pp. 235-264.
- Collins, J. T. (1991). Rangkaian dialek Melayu di Pulau Borneo. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35 Bil.8: 687-696.
- Collins, J. T. (2006). The Malayic variants of eastern Borneo. In *Insular Southeast Asia. Linguistic and cultural studies in honour of Bernd Nothofer*, edited by Fritz Schulze and Holger Warnk, pp. 37-52. Wiesbaden: Harrassowitz.
- Coupland, N. (2007). *Style: Language Variation and Identity*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Dani, N. A., Jaffar, S. B. H., Seruji, Z. B., & Amir, R. B. A. 2011. Asimilasi bermacam jenis kata Melayu pemilikan suku Dusun di Sabah. *Jurnal Melayu*, 8: 67-90.
- Donald E. Polkinghorne. (2005). Language and Meaning: Data Collection In Qualitative Research. *Journal of Counseling Psychology*, 52(2):137-145.
- Drummond, R. (2010) Sociolinguistic variation in a second language: the influence of local accent on the pronunciation of non-native English speakers living in Manchester. Tesis PhD. Faculty of Humanities: University of Manchester.
- Eckert, P. (1997) 'Age as a Sociolinguistic Variable'. In F. Coulmas (ed.), *The Handbook of Sociolinguistics*. Oxford: Blackwell Publishers Ltd. pp. 151-167.
- Fernandez, Y. I. (2008) Kategori dan Ekspresi Linguistik dalam Bahasa Jawa Sebagai Cermin Kearifan Lokal Penuturnya: Kajian Ethnolinguistik Pada Masyarakat Petani Dan Nelayan. *Kajian Linguistik dan Sastra*, 20 (2): 166-177
- Green, H. A. (2015). Cultural transmission and social communication: A cognition and culture approach to everyday metaphor about knowledge, learning, and understanding. Tesis PhD. Department of Social Psychology: The London School of Economics and Political Science.
- Guessabi, F. (2018). Blurring the Line between Language and Culture. Diakses pada 12.2.2018. <https://www.languagemagazine.com/blurring-the-line-between-language-and-culture/>
- Hammarström, Harald & Bank, Sebastian & Forkel, Robert & Haspelmath, Martin. 2018. *Glottolog 3.2*. Jena: Max Planck Institute for the Science of Human History.
- Hashim Musa dan Halimah Pondo (2012). Isu Sosiolinguistik di Malaysia.
- Hoogervorst, T.M. (2011). Some Introductory Notes on the Development and Characteristics of Sabah Malay. *Wacana*, Vol. 13 No. 1: 50—77.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kramsch, C. (2003). *Language and Culture*. (4<sup>th</sup> ed.) Oxford: Oxford University Press.
- Lauder, Multamia RMT.(2007). *Sekilas Mengenai Pemetaan Bahasa*. Jakarta: Akbar Media Eka Sarana.

- Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. 2016. *Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah Dusun, Bajau, Kedayan dan Brunei*. Sabah.
- Lourdes Burbano-Elizondo. (2008). *Language Variation and Identity in Sunderland. Doctor of Philosophy*. United Kingdom: National Centre for English Cultural Tradition (School of English Literature, Language and Linguistics) The University of Sheffield.
- Malay Swadesh List, Wiktionary (2013). Diakses pada 1.11.2017. [https://en.wiktionary.org/wiki/Appendix:Malay\\_Swadesh\\_list](https://en.wiktionary.org/wiki/Appendix:Malay_Swadesh_list)
- Marija Landa. BusinessDictionary. (2018). Research methodology. Diperoleh daripada <http://www.businessdictionary.com/definition/research-methodology.html>
- Marina Mikat. (2009). Sejarah Sabah dan Kaum Sabah. Diakses pada 21.8.2017. <http://marinamikat.blogspot.my/2009/07/sejarah-sabah-dan-kaum-sabah.html>
- Milroy, L., & Gordon, M. (2003). *Sociolinguistics. Method and Interpretation*. Oxford: Blackwell.
- Minah Sintian. (2015). Penggunaan Slanga Dalam Kalangan Pelajar Kadazan Dusun Di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu IX, At Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. Nov 10, 2015: 19 h.
- Mooney, A., & Evans, B. (2015). *Language, Society and Power: An Introduction*. New York: Routledge.
- Nababan, P. (1991). *Sosiolinguistik*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Nathesan, S. (1993). Bahasa Melayu dialek Sabah; Satu tinjauan terhadap kelainannya. *Jurnal Dewan Bahasa*, 37(5): 447-456.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. United Kingdom: PrenticeHall International.
- Noor Aida Mahmor, Faizah Ahmad & Nasariah Mansur. (2014). Kerancuan Bahasa: Cabaran dalam Pendidikan Negara dan Pembinaan Negara Bangsa. Seminar Ketahanan Nasional. Kuala Lumpur.
- Noor Aina Dani & Syeril Patrisia Kining. (2016). Impak Dialek Melayu Sabah ke atas Bahasa Ibunda Generasi Muda Suku Kadazandusun. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4 (2): 45 – 55

- Noraziah Binti Abdul Aziz. (2014). *Analisis Leksikal Budaya dalam Rimba Harapan dan Terjemahan La Jungle De L'espoir*. Disertasi Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Prentice, D.J. (1969). "A Wordlist for Use in Borneo", in: D.J. Prentice, *Papers in Borneo linguistics*, pp. 1-8. Canberra: The Australian National University. [*Pacific Linguistics* A-20.]
- Ramendra, D. P. (2013). Variasi Pemakaian Bahasa Pada Masyarakat Tutar Kota Singaraja. *Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, 2(2): 275- 287.
- Raymond Mougeon., Terry Nadasdi., and Katherine Rehner. (2010). *The Sociolinguistic Competence of Immersion Students*. Canada: Multilingual Matters.
- Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Simons, Gary F. and Charles D. Fennig (eds.). (2018). *Ethnologue: Languages of the World*, Twenty-first edition. Dallas, Texas: SIL International. Online version: <http://www.ethnologue.com>.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin., & Zaharani Ahmad. (2014). Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 18 (2): 30-46
- Tengku Fauziah Ku Mat & Hazimah Yusof. (2018). Bahasa Sukuan: Suatu Kajian Analisis terhadap Pengaruhnya dalam Bahasa Melayu. hlm. 1-19.
- Thomason, S. G., & Kaufman, T. (1991). *Language Contact, Creolization and Genetic Linguistics*. Berkeley, CA: University of California Press.
- Utusan Online (4 November 2015). *Takrifan usia belia 30 tahun menjelang 2018*. [m.utusan.com.my](http://m.utusan.com.my)
- Wardhaugh, R. (2006). *An Introduction to Sociolinguistics*. (5<sup>th</sup> ed.) London: Blackwell Publishing.
- Wong, Jane Kon Ling. (2012). *The Sabah Malay Dialect: Phonological Differentiation in Social Context*. Tesis Ph.D, Universiti Malaya.
- Wong, Jane Kon Ling. (2000). *The Sabah Malay Dialect: Phonological Structure and Social Functions*. Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah.
- Zainal Abidin Bakar. (1993). Pengaruh dialek tempatan dalam penggunaan Bahasa Melayu baku. *Jurnal Dewan Bahasa*, 37(12): 1128-1135.

## BIODATA PELAJAR



Datuk Hj Kamarlin Hj Ombi, dilahirkan di Kampung Lupak Beaufort pada 3 Mac 1959, anak kedua daripada lapan adik-beradik. Anak kepada Imam Haji Ombi Haji Tinggal dan Puan Andi binte Asin Beliau mendapat pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Lupak dan melanjutkan pelajaran di peringkat menengah di SMK Gadong, Beaufort. Sabah.

Tahun 2019, mencatat kejayaan akademik tertinggi buat dirinya, setelah berjaya lulus dan menamatkan pengajian di peringkat kedoktoran (Ph.D) di Universiti Putra Malaysia (UPM), dalam bidang bahasa Melayu. Sebelum ini, berjaya memperolehi ijazah Master Bahasa Melayu UPM. Perjalanan menuntut ilmunya juga, pernah menerima pendidikan di Maktab Perguruan Kent, Tuaran, ditugaskan di Sekolah Kebangsaan Kubang Piring, Semporna, SK Melalap Tenom, SK Padas Damit sebelum melanjutkan pelajaran di Southern Illinois University (SIU) Carbondale sehingga memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Geografi pada 1989-1991. Sekembalinya ke tanahair, Kamarlin mengajar di Sekolah Menengah Gadong dari tahun 1991 sehingga dilantik sebagai Pegawai Pendidikan Daerah Beaufort pada tahun 1994.

Beliau kemudian dilantik sebagai Pegawai Pelajaran Daerah Sipitang sehingga 2008. Pada tahun tersebut, Kamarlin terpaksa meletakkan jawatan apabila dipilih oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) untuk bertanding di kawasan DUN Lumadan. Beliau juga pernah menyandang jawatan Timbalan Presiden Persatuan Bisaya Bersatu Sabah (PBBS). Rekod perkhidmatannya juga terus menunjukkan kecemerlangan setelah pada tahun 2013-2018, beliau menjadi Pembantu Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Sabah.

Beliau mendirikan rumah tangga dengan seorang guru, Puan Sariah@Saridah Abdullah dan dikurniakan dengan 6 cahaya mata, tiga lelaki dan tiga perempuan.

## SENARAI PENERBITAN

- Kamarlin Ombi, Norazlina Hj Mohd Kiram, Sharil Nizam Sha'ri. & Hasnah Mohamad. (2020). Perubahan Variasi Bahasa Kaum Kedayan di Sipitang, Sabah dalam *Eksplorasi Idea dan Pemikiran Melalui Bahasa dan Sastera*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kamarlin Ombi, Norazlina Hj Mohd Kiram, Sharil Nizam Sha'ri. & Hasnah Mohamad. (2020). Murut Language Variation in Sipitang Sabah. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. September 2020. icle:  
<http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v10-i9/7865>
- Kamarlin Ombi, Norazlina Hj Mohd Kiram, Hasnah Mohamad, Noor Aina Dani & Sharil Nizam Sha'ri. (2020). Variasi Bahasa Melayu Tiga Kaum di Sipitang, Sabah, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Januari 2020.
- Kamarlin Ombi, Norazlina Hj Mohd Kiram, Hasnah Mohamad, Noor Aina Dani & Sharil Nizam Sha'ri. (2020). *Ulasan Buku Dialog Drama Setinggi Piatu*. Jauhar. Januari 2020.
- Noor Aina Dani, Norazlina Mohd. Kiram, Mohd. Ariffin Mohd. Arif, Kamarlin Ombi, Roslan Suhailin, Sharil Nizam Sha'ri & Daisy Paul. (2019). Endangered Intergenerational Language Transmission: Evidence from the Indigenous Dusun Society of Sabah, Malaysia. *Pertanika Journal. Social Science & Humanities* 27 (1): 1 – 12.





## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### STATUS CONFIRMATION FOR THESIS / PROJECT REPORT AND COPYRIGHT

ACADEMIC SESSION : \_\_\_\_\_

TITLE OF THESIS / PROJECT REPORT :

---

---

---

NAME OF STUDENT : \_\_\_\_\_

I acknowledge that the copyright and other intellectual property in the thesis/project report belonged to Universiti Putra Malaysia and I agree to allow this thesis/project report to be placed at the library under the following terms:

1. This thesis/project report is the property of Universiti Putra Malaysia.
2. The library of Universiti Putra Malaysia has the right to make copies for educational purposes only.
3. The library of Universiti Putra Malaysia is allowed to make copies of this thesis for academic exchange.

I declare that this thesis is classified as :

\*Please tick (v )

**CONFIDENTIAL**

(Contain confidential information under Official Secret Act 1972).

**RESTRICTED**

(Contains restricted information as specified by the organization/institution where research was done).

**OPEN ACCESS**

I agree that my thesis/project report to be published as hard copy or online open access.

This thesis is submitted for :

**PATENT**

Embargo from \_\_\_\_\_ until \_\_\_\_\_  
(date) (date)

**Approved by:**

\_\_\_\_\_  
(Signature of Student)  
New IC No/ Passport No.:

Date :

\_\_\_\_\_  
(Signature of Chairman of Supervisory Committee)  
Name:

Date :

**[Note : If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization/institution with period and reasons for confidentially or restricted. ]**